

MENJELANG SUBOH

oleh A. DANHOBRI.

—000—

Rumah tangga Insan berada dalam morat marit kerana Insan sangat asah sekali berjudi. Isterinya Rohani dan anaknya Shamsu hampir tidak dihiraukannya lagi, kerana yang terpenting baginya ialah berjudi. Untuk ini sudah lichen tandas segala hartanya, terjual atau tergadai. Malahan barang-barang perhiasan isterinya sudah ada pula yang mulai dijualnya untuk pokok berjudi. Tetapi dia tak kunjung menang sekali juga. Menang sekali kalah tiga kali, apalagi kawan-kawannya suka main churang yang tidak diketahui oleh Insan. Moraka sakongkol untuk mengalahkan Insan sehingga makin lama ia makin malarat.

Nasihat-isterinya dan nasihat ayah angkatnya pak Hayat tak pernah dipedulikannya. Ia terus-terusan berjudi. Dan kalah terus menerus.

Pada suatu malam Insan berjudi pula dengan kawan-kawannya. Kalah lagi. Ia pulang dengan chelana kolor (pendek) sahaja, dan sesampai di rumah ia memaksa isterinya supaya memberikan satu-satunya perhiasan yang masih tinggal untuk digadaikan pokok berjudi. Isterinya tidak mau, dia mahu berpisah dengan njawanya asal jangan dengan barang perhiasannya itu. Terjadi pertengkaran, isteri bertahan, Insan men-bujuk akhirnya memaksa isterinya yang terus tidak mau berjudi. Akhirnya Insan mengusir isteri dan anaknya yang diburunya dengan sebilah parang yang tersisip didinding sahingga isterinya lari malam itu dengan menyeret anaknya yang masih berumur delapan tahun. Insan duduk termenung tetapi dia tidak insaf. Pak Hayat memberi nasihatnya sebagaimana biasa nasihat itu masuk ditelinga kiri dan keluar ditelinga kanan. Berhasbus machan angin sahaja.

Insan berusaha menchari anak dan isterinya tetapi tak dapat. Entah kenapa menghilangnya mereka itu hanya Tuhanlah yang tahu.

12 tahun kemudian.

Pak Hayat menunggu kedatangan Insan yang belum pulang juga dari berjudi. Hari sudah malam sedang besok orang akan ber Hari Raya. Tabuh terdengar berbunyi. Tetapi Insan masih tetap dengan kerjanya yang lama yaitu berjudi. Larut malam baru Insan pulang dengan chelana kolor kerana sudah lichen tandas pula dimedja judi. Dia minta ajahnya supaya setuju untuk menggadaikan sepiring sawah yang tinggal satu-satunya hartanya kerana ia bertekad akan mengembalikannya. Pak Hayat tak set setuju. Malahan ajahnya mengingatkan bahwa besok akan hari Raya dan hentikanlah berjudi itu. Ingatlah akan anak dan isterinya yang entah diman Disuruhnya Insan bertobat. Tentu saja penjudi besar ini takkan mau bertobat walaupun ia senantiasa masih mengingat anak dan isterinya yang sudah 12 tahun berpisah. Tak ada khabar beritanya entah sudah mati entah masih hidup. Ia melihat parang yang tersisip dipigura yang tersangkut didinding dimana 12 tahun yang silam ia memburu isteri dan anaknya dengan parang itu. Dan dimanakah anaknya itu?

Insan mulai mengingat dosa-dosanya dan anak dan isterinya, ia merenong nasibnya yang sial sahingga tak disedarinya ia tertidur dikatil yang ada dalam ruangan itu. Tiba-tiba ia terbangun kerana ia mendengar orang mengetuk pintu. Pintu dibukanya dan masuklah seorang anak muda yang gagah dan kaya rupanya membawa sebuah bag yang nampaknya penuh berisi wang. Anak muda itu menerangkan bahawa ia bahari saja sampai dan minta bermalam di rumah itu kerana semua hotel sudah penuh. Ia menerangkan bahawa dalam bag itu tersimpan wang berdjuta-juta dan ia takut dirampok orang. Insan memenuhi permintaan anak muda itu dan memberinya tempat dibilik tempatnya tidur. Senanglah ia. Insan kembali merebahkan badannya. Sekonyong-konyong datanglah seorang berbaju merah dengan muka yang buruk yaitu iblis yang mengasut supaya ia membunuh anak muda yang menumpang itu sebab ia banyak membawa wang dan bolehlah Insan berjudi puas-puas hatinya. Insan mulai terpedaya oleh iblis. Iblis hilang datang seorang berjubah putih yakni Malaikat yang membawa Insan ke jalan yang benar. Demikian dua kali iblis dan malaikat datang sahingga akhirnya menang juga iblis. Ia mengambil parangnya yang tergantung didinding dan masuk kedalén bélék anak muda itu dan membunuh anak muda itu. Bag-nya dibawa keluar dan benar-benar banyak berisi wang. Sedang melihat wang itu terdengar lagi ketukan di pintu dan segera disembunyikannya bag itu dan membuka pintu. Yang datang seorang muda sebaya yang datang bermalam. Ia menerangkan bahawa ia menchari kawannya yang menchari tempat bermalam. Kawannya namanya Shamsu datang dari ibu kota akan menchari ajahnya yang sudah 12 tahun berpisah. Insan terkejut, apakah itu mungki anaknya yang hilang yang datang menchari ajahnya dan sudah diburunya? Keringatnya berloloran, dia menerangkan tak tahu dengan anak muda itu. Teman Shamsu pergi. Insan berbaring dengan berkeringat kemudian bangun lagi. Dia pergi ke bilik ayahnya dan membangunkan ayahnya. Insan menerangkan bahawa dia baharu saja membunuh orang.

Pak Hayat terkejut tak disangka bahawa Insan dari pejudi kini sudah jadi pembunuh dimalam hari Raya Aidilfitri pula. Insan minta tolong melenyapkan mayat anak muda yang dibunuhnya itu. Pak Hayat memeriksa bilok itu dan sebentar kemudian ia keluar kembali. Tetapi pak Hayat tak ada mendapati apa-apa dalam bilok itu. Tak ada orang, tak ada mayat, tak ada darah, ya tak ada apa-apa. Rupanya Insan hanya bernimpi.

Pak Hayat menerangkan bahawa mimpi Insan itu sebagai suatu ilham dari Tuhan supaya ia bertobat dimalam hari Raya itu. Insan memang teringat akan anak dan isterinya dan beduk subuh terdengar bertalu-talu. Pak Hayat menguruh Insan tobat dan menyuruhnya mengambil ayer sembahyang. Dan sembahyanglah Insan bertobat dengan sabonar-benar tobat. Beroka berdoa dengan ayer mata berchuchuren dan beduk Hari Raya berbangsundang terus.

Dan tiba2 pintu diketuk orang. Pak Hayat membuka pintu dan nasoklah seorang anak muda perlis sebagaimana yang ditemui Insan dalam mimpinya. Ia katanya menochari ajahnya yang bernama Insan. Ia datang dengan maknya dari ibu kota. Katanya sudah 12 tahun berohorai dan sekarang ia sudah kaya dan mempunyai toko dan ingin menjemput ayahnya. Insan terpekak kerana anakaja betul2 yang datang untuk menjemputnya tepat sebagai mimpinya.

Anak dan yah berpeluk-peluk. Rohani nasok dan mendengar bahwa suaminya baru saja tobat. Susni dan isteri berbaik kembali kerana Rohani selama itu tak pernah bersuami. Dia menjemput suaminya yang kabetulan sudah tobat dimalam Hari Raya yang berbahagia itu.

Pak Hayat komat kemit saja kerana sangat terharu.
Demikianlah lakon ini.

— 000 —

Para pelaku :

- INSAN ayah.
- ROHANI isteri Insan.
- PAK HAYAT.
- SHANSU masa kecil.
sudah bujang.
- IBLIS
- MALAKAT.
- Tiga orang pejudi.

—————
 CERITA DISUNBAKANG OLEH A. AMOSERI UNTUK
 TALIBISEN MALAYSIA YANG KEBETULAN SEDANG
 BERKUNJONG KINERAGA INI.
 —————

//.